



## **Kelonggaran Thailand benarkan ganja, tak tingkatkan pengguna di negara ini - AADK**

Nor Azizah Mokhtar - November 1, 2022 @ 2:00pm

KUALA LUMPUR: Dasar negara jiran, Thailand membenarkan rakyatnya menanam dan menggunakan ganja di rumah, tidak meningkatkan jumlah pengguna dadah jenis itu di negara ini.

Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Sutekno Ahmad Belon, berkata pihaknya dan agensi penguatkuasaan lain sentiasa memantau rapat perkara itu, termasuk pelancong Malaysia yang mengunjungi negara berkenaan.

Katanya, walaupun Thailand memberi kebenaran rakyatnya menanam dan menggunakan ganja, ASEAN mempunyai prinsip 'toleransi sifar' terhadap dadah itu dan perkara ini dipersetujui lebih awal oleh semua negara anggota.

"Melihat perkembangan di Thailand, Kerajaan Malaysia melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM), AADK, Jabatan Kastam dan agensi penguatkuasaan lain sudah mengukuhkan selia kawalan di sempadan.

"Di peringkat AADK, kita memastikan Unit AADK kita di sempadan memantau rakyat negara ini yang mengunjungi Thailand dalam memastikan mereka tidak mengambil atau memiliki bahan terlarang itu, kerana apabila mereka balik, mereka tertakluk kepada undang-undang negara ini.

"Rakyat negara ini berdepan tindakan undang-undang menerusi Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Penagihan Dadah dan Akta Racun sekiranya terbabit dengan sebarang penyalahgunaan dadah.

"Setakat ini, tiada 'spike' (peningkatan) begitu tinggi iaitu dari segi penagihan walaupun Thailand benarkan ganja dan penggunaan awam di negara ini belum ada peningkatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis pembukaan Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Dadah Ke-43 (ASOD) 2022 di sini, hari ini.

Majlis pembukaan disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Seri Wan Dahlan Abdul Aziz.

Mengulas lanjut, Sutekno berkata penggunaan dadah jenis sintetik di negara ASEAN dan negara ini lebih tinggi berbanding ganja dan bilangan kes berkaitan ganja menurun namun kuantiti dadah itu meningkat.

Bermula 9 Jun lalu, Thailand menjadi negara Asia pertama yang membenarkan ganja digunakan untuk kegunaan perubatan dan penyelidikan pada tahun 2018.

Kerajaan negara itu mengeluarkan bahagian tertentu dan ekstrak tumbuhan ganja (kecuali bunga dan perbungaan) daripada senarai narkotik terkawal Kategori 5, di bawah Akta Narkotik 1979, supaya boleh digunakan untuk tujuan perubatan.

Bagaimanapun, penggunaan marijuana yang juga dikenali sebagai ganja dan kanabis, secara rekreasi masih diharamkan.